



Hara Ngākau Kino | Semakan undang-undang jenayah kebencian

TERMA RUJUKAN

GAMBARAN KESELURUHAN PROJEK

Te Aka Matua o te Ture | Suruhanjaya Undang-Undang akan menyemak undang-undang yang berkaitan dengan jenayah kebencian di Aotearoa New Zealand, dengan memberikan tumpuan sama ada undang-undang perlu diubah untuk menetapkan kesalahan-kesalahan baharu yang bermotifkan kebencian. Untuk tujuan semakan ini, “jenayah kebencian” bermaksud perlakuan yang sememangnya merupakan satu kesalahan jenayah di bawah undang-undang New Zealand dan dilakukan kerana kebencian atau permusuhan terhadap sekumpulan individu yang berkongsi ciri yang sama (seperti bangsa, warna kulit, kewarganegaraan, agama, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, umur atau ketakupayaan).

Pada masa ini, undang-undang di Aotearoa New Zealand mengambil kira faktor jenayah kebencian semasa penjatuhan hukuman dilaksanakan. Jika seseorang melakukan jenayah kerana permusuhan terhadap sekumpulan individu yang berkongsi “ciri-ciri kekal yang sama”, mahkamah hendaklah mempertimbangkan perkara ini sebagai faktor yang menjadikan jenayah tersebut lebih serius semasa menjatuhkan hukuman (rujuk seksyen 9(1)(h) Akta Penjatuhan Hukuman (Sentencing Act) 2002).

Laporan Siasatan Suruhanjaya Diraja mengenai serangan pengganas ke atas masjid Christchurch pada 15 Mac 2019 mengesyorkan agar kesalahan-kesalahan baharu yang bermotifkan kebencian ditetapkan. Secara khususnya, cadangan 39 mengesyorkan bahawa kesalahan bermotifkan kebencian ini ditetapkan dalam:

- (a) Akta Kesalahan Ringan 1981 (berkenaan dengan kesalahan sedia ada seperti kelakuan atau bahasa yang menyinggung perasaan, menyerang, membuat kerosakan dengan sengaja dan mengancam); dan
- (b) Akta Jenayah 1961 (berkenaan dengan kesalahan sedia ada seperti menyerang, membakar dan membuat kerosakan dengan sengaja).

SKOP SEMAKAN

Semakan Suruhanjaya Undang-Undang akan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pertimbangan tentang:

- (a) Sama ada undang-undang semasa di Aotearoa New Zealand mengambil kira faktor jenayah kebencian dengan mencukupi (terutamanya seksyen 9(1)(h) Akta Penjatuhan Hukuman 2002, yang mempertimbangkan motif permusuhan semasa menjatuhkan hukuman terhadap pesalah).
- (b) Sama ada sebarang keimbangan tentang pelaksanaan undang-undang semasa perlu ditangani melalui langkah-langkah perundangan (atau operasi), contohnya, menetapkan kesalahan yang bermotifkan kebencian.
- (c) Jika kesalahan bermotifkan kebencian perlu ditetapkan:
 - (i) apakah antara kesalahan sedia ada yang perlu disesuaikan;
 - (ii) apakah antara ciri-ciri sama yang perlu diliputi;
 - (iii) cara unsur kebencian atau permusuhan bagi sesuatu kesalahan perlu ditetapkan;
 - (iv) hukuman maksimum yang bersesuaian; dan
 - (v) sama ada sebarang pindaan terhadap Akta Penjatuhan Hukuman adalah dikehendaki untuk mengambil kira kesalahan baharu dan bagi memastikan pesalah jenayah kebencian dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Dalam membuat cadangan pembaharuan, Suruhanjaya Undang-Undang akan mengambil kira te ao Māori dan mempertimbangkan ciri kepelbagaiannya budaya masyarakat di New Zealand.

Semakan ini tidak akan mempertimbangkan kelakuan jenayah yang bukan merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang New Zealand pada masa ini. Bagi mengelakkan kekeliruan, semakan ini tidak akan mempertimbangkan cadangan 40 dan 41 dalam Laporan Siasatan Suruhanjaya Diraja mengenai serangan pengganas ke atas masjid Christchurch pada 15 Mac 2019, yang melibatkan:

- (a) undang-undang berkaitan ucapan berbaur kebencian, termasuk seksyen 61 dan 131 Akta Hak Asasi Manusia 1993; dan
- (b) takrifan apabila sesuatu penerbitan dianggap “tidak menyenangkan” dalam seksyen 3 Akta Klasifikasi Filem, Video, dan Penerbitan 1993.

TEMPOH DAN PROSES

Suruhanjaya Undang-undang bercadang untuk meminta maklum balas daripada orang ramai pada awal tahun 2025.

Suruhanjaya Undang-Undang bercadang untuk melaporkan cadangan-cadangan ini kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Suruhanjaya Undang-Undang menjelang pertengahan 2026.

PERIHAL SURUHANJAYA UNDANG-UNDANG

Suruhanjaya Undang-undang ialah sebuah agensi bebas (di negara-negara Komanwel) yang memberikan nasihat reformasi undang-undang kepada pihak Kerajaan. Pihak kerajaan tidak memberikan arahan tentang cara kami melaksanakan tugas atau tentang cadangan yang dibuat.

Kami menjalankan penyelidikan serta mengadakan penglibatan dan seterusnya memberikan cadangan kepada Kerajaan untuk menambah baik undang-undang. Cadangan-cadangan ini diterbitkan dalam satu laporan kepada Menteri Kehakiman. Menteri hendaklah membentangkan laporan ini kepada Parlimen.

Kerajaan akan membuat keputusan sama ada undang-undang akan diubah dan perubahan yang akan dibuat. Anda boleh mengetahui lebih lanjut tentang tugas kami pada laman web Suruhanjaya Undang-undang.